

BERITA HARI INI

AKHBAR : Wilayahku

TARIKH : 03-09 Januari 2020

MUKA SURAT : 10-14

HARI : Jumaat - Khamis

RUANGAN : WK2 – Realiti Kehidupan

TAJUK : Inisiatif Wilayah Peduli Harapan DiPenuhi

WK2
REALITI KEHIDUPAN
WILAYAHKU • 3 — 9 JANUARI 2020

Anzalna mahu
buat kemunculan
semula 2020
► MUKA 16

KEJAYAAN
UTAMA KWP &
AGENSI 2019
YB Tuan Riza Fadzil, KWP & AGENSI 2019

Inisiatif Wilayah Peduli
HARAPAN DIPENUHI

Tingkat kualiti kehidupan warga Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan

KWP penuhi Inisiatif Wilayah Peduli



Oleh AINI MAWAWI
ainiwilayahku@gmail.com
Foto NAZIRUL ROSELAN

KEMENTERIAN Wilayah Persekutuan (KWP) memandang serius terhadap setiap pencapaian yang

diperoleh sepanjang tahun 2019 termasuklah agensi-agensi di bawahnya.

Bagi mengukur sejauh mana pelaksanaan yang telah dilaksanakan serta dirancang, KWP mengambil pendekatan dengan membentangkan laporan tahunan bagi memaklukkannya kepada umum.

Awal tahun 2019, KWP telah melancarkan dasar yang dikenali sebagai Inisiatif Wilayah Peduli, Harapan Dipenuhi yang telah diguna pakai oleh semua agensi di bawahnya.

Dasar ini terbahagi kepada enam paksi utama iaitu Wilayah Bersih, Teras Keselamatan Awam, Pengang-

kutan Awam Efisien, Sosio Ekonomi Mampan, Persekitaran Hijau dan Komuniti Inklusif.

Menurut Menteri Wilayah Persekutuan, Khalid Abd. Samad, setiap agensi di bawah kementerian berjaya melaksanakan setiap program yang direncanakan dengan jayanya.



Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP)

Mengkaji semula projek dan kontrak yang meragukan

Kajian kepada semua 97 transaksi tanah yang mana hasilnya KWP berjaya mendapatkan RM481 juta untuk Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Penubuhan Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan (MPPWP)

Peranan MPPWP dikemas kini di setiap Kawasan parlimen Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan untuk mewujudkan komuniti yang inklusif.

Program CSR PPR Anak Angkat Pemaju

Tanggungjawab sosial korporat (CSR) dijalankan yang mana system anak angkat bagi Perumahan Awam dan Projek Perumahan Rakyat (PPR) oleh syarikat-syarikat swasta dalam menaik taraf fasiliti yang sedia ada oleh syarikat-syarikat pemaju antaranya pengindahan dan penyelenggaraan.



Van Wilayah

Kemudahan dan kegunaan Van Wilayah dijalankan untuk memberi khidmat kepada penduduk di kawasan-kawasan Parlimen.

Akhbar Wilayahku diterbitkan

Akhbar mingguan untuk warga kota dilancarkan khusus kepada warga wilayah. Kini 50,000 naskah diedarkan setiap minggu termasuklah melalui platform media sosial.

Beg plastik biodegradasi dan larangan straw plastik

Penguatkuasaan sepenuhnya dimulakan pada 1 Januari 2020 demi kelestarian alam dan kesejahteraan penduduk di ibu negara.

Pelancongan Wilayah Persekutuan

Bajet sebanyak RM4 juta bagi aktiviti promosi dan pengiklanan untuk menjadikan Wilayah Persekutuan sebagai destinasi pelancongan terkemuka di peringkat antarabangsa.

Kuala Lumpur Kota Buku Dunia 2020

Kuala Lumpur dinobatkan sebagai Kota Buku Dunia 2020 dengan slogan 'KL Baca (KLWBC 2020)'. Penekanan diberi kepada persediaan program KLWBC 2020 dengan sambutannya bermula pada 23 April 2020.





Dewan Bandaraya
Kuala Lumpur (DBKL)

Pendemokrasian

Memaksimumkan penglibatan Ahli Parlimen pilihan rakyat dalam proses membuat keputusan dan dasar melalui pembentukan Majlis Menteri dan Ahli Parlimen turut dilantik sebagai anggota Jawatankuasa Kecil DBKL.

Peningkatan kemudahan pengangkutan awam

Memaksimumkan penglibatan Ahli Parlimen pilihan rakyat dalam proses membuat keputusan dan dasar melalui pembentukan Majlis Menteri dan Ahli Parlimen turut dilantik sebagai anggota Jawatankuasa Kecil DBKL.

Kajian masalah lalu lintas dan kaedah penyelesaian sedang dilaksanakan serentak dengan kajian draf Pembangunan Bandaraya Kuala Lumpur 2040.

Pelancongan Kesenian dan Kebudayaan

- Jawatankuasa Kecil Kesenian dan Kebudayaan WP ditubuhkan.
- Diadakan persembahan kesenian yang bersifat 'membumi' dengan adanya pertunjukan di kawasan Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam (PA) termasuk di Dataran Merdeka. Pementasan teater Uda dan Dara di Padang Merbuk satu usaha yang membanggakan.
- Pemulihan beberapa bangunan warisan dimulakan dengan kerja-kerja baik pulih iaitu Bangunan Sultan Abdul Samad, Panggung Bandaraya dan bangunan berhampiran.



Hapuskan Monopoli

- Pecahkan monopoli orang tengah melalui penyusunan semula Bazar Ramadan dan pasar malam. Perkhidmatan permohonan lesen perniagaan secara dalam talian.
- Dewan-dewan DBKL diserahkan kembali untuk diurus tadbir oleh DBKL sendiri.

Basmi Kemiskinan Bandar

Seminar Membasmi Kemiskinan Bandar telah diadakan pada 5 Disember 2019. Hasilnya dalam masa enam bulan hingga sembilan bulan dari tempoh tersebut, satu Pelan Induk Membasmi Kemiskinan Bandar akan dihasilkan.

TERAS 1

Wilayah
Bersih

TERAS 2

Keselamatan
Awam

TERAS 3

Pengangkutan
Awam Efisien

TERAS 4


Sosio Ekonom
Mampan

TERAS 5

Persekitaran
Hijau

TERAS 6

Komuniti
Inklusif



Perbadanan Putrajaya (PPj)

Program vibrant Putrajaya

- Pelaksanaan 212 acara bertaraf antarabangsa dan kebangsaan seperti World Cup FIT Touch, Kejohanan Sukan Air Antarabangsa, Floria DiRaja, Powerman, PIACUFF, LAMPU yang mencatat hamper enam juta pengunjung.
- Pelbagai aktiviti sukan air termasuk Putrajaya Boat Race dan Karnival Sukan Air Putrajaya dalam menjadikan Tasik Putrajaya sebagai pusat sukan air serantau yang terunggul.

Putrajaya Smart City

Putrajaya sebagai perintis Smart City dengan adanya Blueprint Smart City merangkumi 93 pelan tindakan, 72 green buildings, Command Centre yang canggih, system OSC 3.0 (inisiatif terbaik sektor awam oleh MPC), bas EV pertama dengan kerjasama NEDO Japan.

Blueprint Masyarakat Sejahtera

- 121 pelan tindakan yang menyasarkan program merakyatkan aktiviti dan program komuniti termasuk 147 program dengan kerjasama penuh Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan Putrajaya.
- 38 program kebajikan juga telah memberi manfaat dan menjadi touch point kepada sebilangan besar penduduk Putrajaya.



Perbadanan Labuan

Peningkatan ekonomi sektor pelancongan


- Pertambahan 60 peratus sektor pelancongan berdasarkan maklum balas persatuan dan pemilik hotel di Wilayah Persekutuan Labuan.
- Produk pelancongan diperbanyakkan untuk menarik pengunjung termasuk penyediaan peruntukan RM1 juta bagi menaik taraf Taman Burung Labuan.

Transformasi Hab Halal Labuan

- Tapak Hab Halal Labuan dimanfaatkan dengan suntikan pelaburan baharu sebanyak RM60 juta oleh syarikat Nam Cheong Dockyard Sdn. Bhd. menjadikan kawasan tersebut sebagai kawasan industri pembinaan dan penyelenggaraan kapal.
- Bakal menyediakan 1,500 pekerjaan baharu pada awal tahun 2020.

Festival Layang-Layang

Edisi pertama Festival Layang-Layang Antarabangsa 2019 dengan 34 penyertaan dari luar negara, seperti Jerman, Australia, Jepun, Korea, China, Brunei, Sweden, New Zealand dan lain-lain.



Agenda Smart City

Penyediaan Sistem Maklumat Perancangan dan Sistem Sokongan Keputusan Ke arah Big Data iaitu Sistem Maklumat Perancangan Guna Tanah Bersepadu (I-Plan), Sistem Pemantauan Bandar Selamat (iSelamat.my), Jaringan Penunjuk Pembangunan Mampian Bandar Luar Bandar Malaysia (MURNInets), Malaysia Urban Observatory (MUO) dan Characteristics of Rural Malaysia System (CHARMs).



Jabatan Landskap Negara

Penubuhan Majlis Negara Taman

Memandu hala tuju pembangunan landskap dan keindahan negara. Matlamat menjadikan Malaysia Negara Taman terindah di dunia diterima sebagai matlamat kebangsaan.



Pewartaan Taman

- Taman Awam Persekutuan Bukit Kiara diwartakan (274.313 ekar). Bagi mengekalkan Kawasan hijau.
- Taman Tugu diserahkan kepada Amanah Warisan Negara.



Pejabat Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (PTGWP)

Cukai Petak menggantikan Cukai Tanah

- Mengenal pasti tanah milik PTGWP dan Kerajaan Persekutuan setelah didapati banyak tanah kerajaan diduduki secara mencurigakan. Tindakan secara berperingkat diambil.
- Cukai Petak bukan cukai yang baharu. Kadar cukai berbeza berdasarkan kegunaan, tempoh dan corak pajakan serta keluasan lantai.



Majlis Sukan Wilayah Persekutuan

Mempertingkatkan kesukanan dan mutu sukan atlet

- Program sukan peringkat Parlimen dalam mencari dan mengasah bakat baharu Wilayah Persekutuan.
- Memberikan anugerah, pengiktirafan dan sumbangan kepada atlet cemerlang.

